

"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20120920-KB2477

20 September 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL 14/2012

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

**BAYARAN INVOIS BAGI TIKET PENERBANGAN (UTTSB) TANPA
DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP AKAN DICAJ KE AKAUN
PENDAHULUAN STAF**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) telah meluluskan satu peraturan baru dimana bayaran invois bagi tiket penerbangan kepada Uniutama Travel & Tours Sdn Bhd (UTTSB) perlu dibuat dengan serta merta, walaupun tanpa dokumen sokongan (menghadiri tugas rasmi) yang lengkap. Walau bagaimanapun bayaran tersebut akan dicaj terlebih dahulu ke akaun pendahuluan perjalanan staf yang berkenaan dan pelarasan hanya akan dilakukan setelah dokumen sokongan yang lengkap diterima.

Sekiranya staf berkenaan masih lagi tidak mengemukakan dokumen sokongan yang sepatutnya ke Jabatan Bendahari dalam tempoh 14 hari dari tarikh bayaran dibuat, pendahuluan tersebut akan ditolak dari mana-mana bayaran tuntutan perjalanan staf berkenaan(jika ada) dan sekiranya tiada sebarang bayaran tuntutan perjalanan, pemotongan gaji akan dilaksanakan.

Peraturan ini dilaksanakan berikutan tunggakan hutang UUM bagi tiket penerbangan kepada UTTSB hampir mencecah RM500,000 dan jumlah ini dijangka meningkat sekiranya tiada sebarang tindakan diambil. Untuk makluman, masih terdapat invois semenjak dari tahun 2008 yang masih belum dibuat bayaran kerana tidak mempunyai dokumen sokongan.

setiap invois/ bil mesti dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh diterima dan kegagalan mematuhi arahan ini adalah satu kesalahan yang serius.


Sehubungan dengan itu, semua Ketua PTJ perlu memastikan setiap permohonan tiket penerbangan melalui waran hendaklah mempunyai dokumen sokongan yang lengkap sebelum diberi kelulusan dan setiap invois tiket penerbangan yang diterima perlu disediakan Daftar Bil dan dikemukakan ke Jabatan Bendahari dalam tempoh 7 hari dari tarikh diterima untuk proses bayaran, walaupun tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Ketua PTJ juga diminta memaklumkan pekeliling ini kepada semua pegawai di PTJ masing-masing.

Peraturan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

“ILMU BUDI BAKTI”

Saya yang menurut perintah


HJ AMRON MAN
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Ketua Unit Bayaran, Elaun & Gaji
 - Ketua Unit Pinjaman, Subsidiari & Kawalan Kredit
 - Edaran